



DOKUMEN SEBUT HARGA

**CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN
PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG
WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.**

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA:

**12.00 TENGAH HARI,
29 APRIL 2024 (JUMAAT)**

NO RUJUKAN SEBUT HARGA:

YAWAS/PBMS/TAWAS/SEBUT HARGA/2025

DISEDIAKAN OLEH:

YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)

1. ISI KANDUNGAN

| BIL | KETERANGAN | MUKA SURAT |
|-----|---|------------|
| 1 | Jadual 1 - Kenyataan Sebut Harga | 3-4 |
| 2 | Jadual 2 - Arahan kepada Penyebut Harga | 5-8 |
| 3 | Jadual 3 - Syarat-syarat kepada Penyebut Harga | 9-15 |
| 4 | Senarai Semak | 16 |
| 5 | Lampiran A - Surat Akuan Pembida | 17 |
| 6 | Lampiran B - Keterangan Mengenai Penyebut Harga | 18 |
| 7 | Lampiran C - Surat Akuan Penyebut Harga | 19 |
| 8 | Lampiran D - Jadual Tawaran Harga | 20 |
| 9 | Lampiran E - Jadual Penentuan Spesifikasi | 21-24 |
| 10 | Lampiran F - Senarai Pengalaman | 25 |
| 11 | Lampiran G - Sebut Harga untuk Bekalan/Perkhidmatan | 26 |

KENYATAAN SEBUT HARGA

JADUAL 1

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN BARANG SEKOLAH

1. Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) mempelawa syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan untuk menyertai tawaran sebut harga seperti berikut:-

| NOMBOR SEBUT HARGA | TAJUK TAWARAN SEBUT HARGA | KOD BIDANG | TARIKH DOKUMEN BOLEH DIMUAT TURUN | TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN |
|--------------------------------------|---|---|-----------------------------------|-----------------------------------|
| YAWAS/PBMS /TAWAS/ SEBUT HARGA /2025 | CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025. | 020601 - ALATULIS (TIDAK TERMASUK BORANG DAN SEMUA JENIS KERTAS) 020603 - ORGANISER, DAIRI, KALENDAR, BUKU ALAMAT, RESIT, MEMO 020803 - BAGASI DAN BEG DARI KULIT/ PVC/ KANVAS/KAIN/NYLON PLASTIK/LOGAM/DLL | 1 APRIL 2024 (ISNIN) | 29 APRIL 2024 (JUMAAT) |

2. Dokumen Sebut Harga ini adalah **PERCUMA** dan boleh diperolehi dalam tempoh yang dinyatakan dengan memuat turun **Dokumen Spesifikasi Sebut Harga** di laman sesawang www.yawas.com.my/tender.
3. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah menggunakan sampul surat bertutup.
4. Sila masukkan ke dalam kotak **PETI TAWARAN** yang telah disediakan di alamat seperti berikut:

YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR
Aras 5, Kompleks Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor, Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan

5. YAWAS berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan atau membatalkan pelawaan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon.
6. Kelewatan penghantaran **DOKUMEN SEBUT HARGA** tidak akan dipertimbangkan. Keputusan adalah muktamad.

Sebarang pertanyaan berkaitan tawaran sebut harga sila hubungi Encik Khafiz di talian berikut:

Tel: 03-5481 8817 atau Emel: khafiz@yawas.my

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

JADUAL 2

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

NO. SEBUTHARGA: YAWAS/PBMS/TAWAS/SEBUT HARGA/2025

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga ini adalah Cadangan Membekal Dan Menghantar Beg Serta Kelengkapan Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) Tabung Warisan Anak Selangor Bagi Tahun 2025.
- 1.2 Sebut Harga ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan, syarat-syarat Am dan Syarat-Syarat Khas yang ditetapkan.

2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 2.1 Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 2.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah ditaip.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 2.4 Borang-Borang Yang Perlu Diisi:

2.4.1 Surat Akaun Pembida (**Lampiran A**)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak.

2.4.2 Borang Keterangan Mengenai Penyebut Harga (**Lampiran B**)

- i. Nama Penyebut Harga : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan (MOF) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- ii. Alamat Perniagaan : Alamat yang betul di mana penyebut harga boleh dihubungi melalui surat. Penyebut Harga hendaklah memaklumkan kepada pihak YAWAS jika berlaku pertukaran alamat.
- iii. No. Telefon/HP/fax : Perlu dinyatakan untuk dihubungi.
- iv. Taraf Penyebut Harga : Nyatakan sama ada taraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan.

- v. Modal Syarikat : Jika bukan Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank.

2.4.3 Surat Akuan Penyebut Harga (**Lampiran C**)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak.

2.4.4 Jadual Tawaran Harga (**Lampiran D**)

2.4.5 Jadual Penentuan Spesifikasi (**Lampiran E**)

Semua item yang disenaraikan dalam lampiran ini perlu diisi.

2.4.6 Senarai Pengalaman (**Lampiran F**)

Penyebut Harga hendaklah mengisi borang di lampiran ini dengan menyatakan pengalaman dalam bidang perkhidmatan (jika ada)

2.4.7 Sebutharga Bekalan/ Perkhidmatan (**Lampiran G**)

Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai Penyebut Harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.

3. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembedulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembedulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

4. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN YAWAS

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

5. DOKUMEN-DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

5.1 DOKUMEN TAWARAN

- 5.1.1 Pada peringkat penyediaan dokumen tawaran, Penyebut Harga perlu mencetak satu (1) set jadual tawaran harga untuk dimasukkan sebagai dokumen sokongan dalam sampul.
- 5.1.2 Penyebut Harga hendaklah menyerahkan Dokumen yang ditetapkan di alamat yang ditetapkan dalam Kenyataan Tawaran sebelum atau pada **29 April 2024 (sebelum jam 12.00 tengahari)**
- 5.1.3 YAWAS tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan penerimaan dokumen tawaran atau kehilangan borang-borang berkaitan Sebut Harga tersebut.

6. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

6.1 Dokumen sebutharga hendaklah dikemukakan bersama sampul surat seperti berikut:-

- i. Lampiran A - Surat Akuan Pembida;
- ii. Lampiran B - Keterangan Diri Mengenai Penyebutharga;
- iii. Lampiran C - Surat Akuan Penyebutharga;
- iv. Lampiran D - Jadual Tawaran Harga;
- v. Lampiran E - Jadual Penentuan Spesifikasi;
- vi. Lampiran F - Senarai Pengalaman;
- vii. Lampiran G – Sebutharga untuk Bekalan/Perkhidmatan;
- viii. Profil Syarikat;
- ix. Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- x. Salinan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada).

6.2 Sebutharga hendaklah di alamatkan kepada :

Yayasan Warisan Anak Selangor
Unit Program Bantuan Masuk Sekolah TAWAS,
Aras 5,
Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor, Lot 4,
Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7,
Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

- 6.3 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
- 6.4 Penyebut Harga juga diingatkan agar menghantar dokumen Sebut Harga **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari (tarikh sebut harga ditutup)**. Penghantaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 6.5 YAWAS tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut Harga sekiranya Sebut Harga ini dibatalkan.

SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

JADUAL 3

SYARAT-SYARAT AM

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebut Harga apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

Pembekal yang menyertai Sebut Harga ini mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera dalam bidang pembuatan dan pengedaran bag sekolah, alat tulis, bekas makanan dan botol air. Salinan sijil perakuan pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga.

2. TEMPOH SIAP MAKSIMA

2.1 Tempoh Siap Maksima bagi projek ini ialah **120 hari** termasuk sabtu dan ahad atau **4 bulan** sahaja.

3. SESI TEMUDUGA PENYEBUT HARGA

3.1 Urusetia YAWAS akan menghubungi pihak Penyebut Harga bagi sesi temuduga bersama panel YAWAS.

3.2 Penyebut Harga wajib hadir ke sesi temuduga yang ditetapkan. Kegagalan hadir sesi temuduga akan menyebabkan permohonan ditolak serta merta.

3.3 Penyebut Harga perlu membawa profile syarikat berserta bukti kedudukan kewangan syarikat (Kenyataan Bank Syarikat) bagi proses penilaian.

3.4 Penyebut Harga perlu membentangkan proses pembekalan yang dirancang bermula dari proses tandatangan kontrak sehingga penghantaran ke pihak DUN atau YAWAS.

3.5 Penyebut Harga wajib membawa "**Sample**" yang lengkap bagi tujuan semakan pihak panel dan membawa buku "**catalogue**" (jika ada) bagi sesi penilaian pihak panel.

3.6 Keputusan dari panel YAWAS adalah **muktamad** dan tiada sebarang pindaan setelah selesai sesi temuduga bersama pihak Penyebut Harga.

4. HARGA TAWARAN

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut harga iaitu **60 hari**.

5. SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI PEMBUATAN

5.1 Penyebut harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti yang telah ditetapkan seperti di dalam **Lampiran E**, supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.

6. KADAR DENDA

Penyebut Harga tertakluk kepada denda/penalti jika melanggar perkara berikut :

- 6.1 **Menanggung /menggantikan segala kerugian** akibat dari barang rosak dan tidak lengkap dalam tempoh **30 hari** (termasuk sabtu dan ahad).
- 6.2 Kelewatan dalam proses membekal dan menghantar pesanan yang telah dipersetujui dan ditandatangani tanpa sebab yang munasabah akan dikenakan **penalti mengikut bilangan kelewatan hari**. (**kadar denda tertakluk kepada kontrak yang ditandatangani).

7. TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Tempoh sahlaku Sebut Harga ini adalah selama **60 hari** bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup.

8. SURAT LANTIKAN KONTRAKTOR

YAWAS tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan YAWAS tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab – sebab Penyebut Harga tidak berjaya.

9. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 9.1 YAWAS sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh YAWAS, peralatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 9.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

10. PENAMATAN PERSETUJUAN

- 10.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya YAWAS boleh terus menamatkan persetujuan.
- 10.2 Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini.

11. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara YAWAS dengan Syarikat mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara YAWAS dengan Syarikat, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh YAWAS dan seorang oleh Syarikat. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

12. IKLAN

- 12.1 Iklan tender terbuka akan diletakkan di akhbar utama berbahasa melayu bagi rujukan pihak Penyebut Harga. **(Sekurangnyanya satu (1) akhbar utama)**
- 12.2 Iklan tender juga akan diletakan di laman sesawang rasmi **www.yawas.com.my/tender** bagi memberi kemudahan pihak Penyebut Harga memuat turun dokumen tender.
- 12.3 Iklan tender juga akan diletakan di media sosial rasmi Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) bagi hebahan umum.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 YAWAS boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Penyebut Harga melalui laman web YAWAS sekiranya ada.
- 1.2 YAWAS tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal & harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan Penyebut Harga.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Ini hendaklah termasuk semua kos menghantar memunggah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara Penyebut Harga adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah baru dan berkualiti.
- 3.2 Spesifikasi bekalan hendaklah merujuk kepada spesifikasi teknikal yang dikeluarkan pihak urusetia.
- 3.3 YAWAS adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- 3.4 Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 3.5 Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
- 3.6 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.7 Perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga tanpa melibatkan sebarang kos oleh YAWAS.

4. PEMBAYARAN

4.1 Pembayaran Bon Pelaksanaan.

- 4.1.1 Pihak pembekal perlu menyediakan **Bon Pelaksanaan** sekiranya dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja pembekalan.
- 4.1.2 Kadar Bond Pelaksanaan adalah sebanyak **5% atau lima peratus** dari jumlah keseluruhan kos tender.
- 4.1.3 Bentuk Bond Pelaksanaan adalah **seperti Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful).**
- 4.1.4 Tempoh Sah Laku Bon Pelaksana adalah minimum **enam (6) bulan** dari tarikh tandatangan setuju terima kontrak oleh syarikat pembekal.

4.2 Pembayaran deposit.

- 4.2.1 **Tiada pembayaran deposit** dibuat oleh pihak YAWAS sekiranya syarikat pembekal telah dipilih secara rasmi.
- 4.2.2 Bayaran penuh akan dibuat oleh YAWAS setelah kerja-kerja pembekalan siap dihantar ke **56 DUN dan 1 pejabat YAWAS.**

5. SURAT LANTIKAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR

Surat Lantikan Pembekal/kontraktor dan Pesanan Pembelian "*Purchase Order*" akan dihantar oleh YAWAS kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara YAWAS dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada Kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak

6. HAK YAWAS MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 YAWAS berhak menerima atau menolak mana-mana dokumen Sebut Harga dan membatalkan proses Sebut Harga dan menolak semua dokumen Sebut Harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Penyebut Harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak YAWAS untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Penyebut Harga yang terlibat.
- 6.2 Pihak YAWAS adalah berhak mempersetujui nilai Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan Sebut Harga.
- 6.3 Pertimbangan Sebut Harga ini adalah berasaskan dokumen tawaran, tawaran harga dan keupayaan sebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:
 - a) YAWAS tidak terikat untuk menawarkan kontrak kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan YAWAS adalah muktamad;

- c) YAWAS berhak memilih lebih dari satu Kontraktor;
- d) YAWAS juga berhak mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu;
- e) YAWAS berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya;
- f) YAWAS tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebut Harga; dan
- g) Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga tidak akan dilayan.

7. MODAL PUSINGAN

Kontraktor yang berminat mestilah mempunyai kemampuan kewangan dari segi modal pusingan, *net worth*, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

SENARAI SEMAK

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.

Sila Tandakan / bagi dokumen-dokumen yang disertakan

| Bil. | Perkara/ Dokumen | Untuk Ditanda oleh Syarikat | Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga |
|-------------|---|------------------------------------|---|
| 1 | LAMPIRAN A - Surat Akuan Pembida | | |
| 2 | LAMPIRAN B - Keterangan Mengenai Penyebutharga | | |
| 3 | LAMPIRAN C - Surat Akuan Penyebutharga | | |
| 4 | LAMPIRAN D - Jadual Tawaran Harga | | |
| 5 | LAMPIRAN E – Jadual Penawaran Set Kelengkapan Bag Sekolah TAWAS (Spesifikasi) | | |
| 6 | LAMPIRAN F - Senarai Pengalaman (Pembekalan set bag sekolah dan alat tulis) | | |
| 7 | LAMPIRAN G - Sebutharga untuk Bekalan/Perkhidmatan | | |
| 8 | Profil Syarikat | | |
| 9 | Salinan sijil pendaftaran - Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Kementerian Kewangan Malaysia | | |
| 10 | Salinan Sijil Taraf Bumiputera – Jika ada | | |

| | |
|---|---|
| <p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:.....</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh :</p> | <p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada).</p> <p>Tandatangan:.....</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh :</p> |
|---|---|

SURAT AKUAN PEMBIDA

NO. SEBUTHARGA: YAWAS/PBMS/TAWAS/SEBUT HARGA/2025

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.

Saya,.....nombor K.P yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Yayasan Warisan Anak Selangor** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Yayasan Warisan Anak Selangor** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:

(Nama Syarikat) : _____

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Telefon Bimbit : _____

iii. Faks : _____

iv. Cawangan : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYISA (SSM) ATAU KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)

4.1. Taraf Penyebut Harga: *Bumiputra/Bukan Bumiputra

Nombor Pendaftaran MOF/SSM: _____

(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

5. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

5.1. Perseorangan

Nama Pemilik: _____

No. K/P : _____

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada :

Yayasan Warisan Anak Selangor
Aras 5, Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor
Lot 4 Jalan Platinum 7/52
Seksyen 7 Persiaran Kayangan 40000 Shah Alam Selangor.

Tuan/Puan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA : YAWAS/PBMS/TAWAS/SEBUT HARGA/2025

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2024 DAN 2025.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat _____
 _____ mengambil bahagian dalam Sebut harga membekal dan menghantar beg serta kelengkapan Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) Tabung Warisan Anak Selangor bagi tahun 2025. Harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah (berjumlah RM_ _____).

2. Syarikat sebagai Penyebut Harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebut harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen sebut harga. Syarikat juga telah memahami bahawa YAWAS berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.
3. Syarikat bersetuju bahawa harga sebut harga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebut harga ini dan meminda harga.
4. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen sebut harga yang digunakan untuk sebut harga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

.....
 (Tandatangan orang yang diberi kuasa)
 Nama :
 No. K/P :
 Jawatan :
 Alamat :

.....
 (Tandatangan saksi)
 Nama Saksi :
 No. K/P :
 Jawatan :
 Alamat :

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.



1. Tawaran membekal dan menghantar kelengkapan Program Bantuan Masuk Sekolah (PBMS) Tabung Warisan Anak Selangor bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

| BIL | PERKARA | JUMLAH UNIT |
|---------------------------|--|--------------------|
| 1. | Ahli TAWAS kelahiran tahun 2018 (tahun pembekalan 2025) | 17,500 |
| Jumlah keseluruhan | | 17,500 |

2. Cadangan harga seperti dibawah (disi oleh petender):

| BIL | PERKARA | JUMLAH KESELURUHAN (RM) |
|---------------------------|--|------------------------------------|
| 1. | Bag sekolah | |
| 2. | Set alat tulis | |
| 3. | Bekas makanan | |
| 4. | Botol air | |
| 5. | Bekas Alat Tulis " <i>Pouch Pencil Box</i> " | |
| 6. | Buku nota | |
| 7. | Tabung " <i>Coin Bank</i> " | |
| Jumlah keseluruhan | | |

**JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI
(KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH TAWAS)**

| BIL | PERKARA |
|-----|--|
| 1. | <p>Beg Sekolah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1 unit beg sekolah. Bahan (<i>Material</i>) : Polyester 1680D atau Nylon 1680D atau Polyester Moza. Saiz : 30cm (L) x 14cm (W) x 46cm (H). Cadangan warna : Merah, Biru, Hitam. Cetakan hadapan beg : “Heat transfer” / <i>Silk screen (both Laminated PVC)</i>. Compartment : 4 poket (1 poket bahagian dalam & 3 poket bahagian hadapan beg). Contoh lakaran bag sekolah TAWAS:  |
| 2. | <p>Set alat tulis</p> <ol style="list-style-type: none"> 2 unit batang pensil - “Wrapping or printing” 1 unit pembaris - “Printing or sticker” 1 unit peraut pensil. 1 unit pemadam – “Wrapping or printing” 1 set pensil warna 12 batang - “Wrapping or printing” Contoh lakaran set alat tulis TAWAS:  |

3. Bekas Makanan

- a) 1 unit bekas makanan.
- b) Bahan (*Material*) : Plastik (*BPA Free*).
- c) Saiz : 20cm (L) x 12cm (W) x 6cm (H).
- d) Cadangan warna : Merah, Biru, Hijau.
- e) Jenis Cetakan: "*Heat transfer*" (Bahagian atas penutup).
- f) Contoh lakaran bekas makanan TAWAS:



4. Botol Air


- a) 1 unit botol air.
- b) Bahan (*Material*) : Plastik (*BPA Free*).
- c) Saiz : 750 ml.
- d) Cadangan warna : Merah, Biru, Hijau.
- e) Jenis Cetakan: "*Heat transfer*" (Bahagian badan botol).
- f) Contoh lakaran botol air TAWAS:



5.

Bekas Alat Tulis (*Pouch Pencil Box*)


- a) 1 unit bekas alat tulis (*Pouch Pencil Box*).
- b) Bahan (*Material*) : Polyester 1680D atau Nylon 1680D atau Polyester Moza.
- c) Saiz : 20cm (W) x 6cm (H).
- d) Cadangan warna : Merah, Biru, Hijau.
- e) Cetakan depan dan belakang pada bekas pensil: “*Heat transfer*” / “*Silk screen (both Laminate PVC)*”
- f) Contoh lakaran bekas alat tulis TAWAS:



6.

Buku Nota

- a) Buku nota saiz A4.
- b) Muka depan & belakang dicetak warna penuh.
- c) 50 – 60 muka surat.
- d) Contoh lakaran buku nota TAWAS:



7. Tabung TAWAS

- a) Tabung ("Coin Bank")
- b) Bahan (*Material*) : Plastik atau besi.
- c) Cadangan warna : Merah, Biru, Hijau.
- d) Cetakan depan dan belakang pada tabung: "UV Printing" / "Heat transfer".
- e) Contoh lakaran tabung TAWAS:



.....
(Tandatangan Pembekal)

Nama Penuh :.....
No.K/P :.....
Alamat :.....

Cop Syarikat :.....

SENARAI PENGALAMAN (PEMBEKALAN SET BAG SEKOLAH DAN ALAT TULIS)

| Bil. | Nama/Jenis Kontrak | Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi | Kuantit | Harga Kontrak (RM) |
|------|--------------------|---|---------|--------------------|
| | | | | |

*Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi

*Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.

Sebutharga Bil : YAWAS/PBMS/TAWAS/SEBUT HARGA/2025
Syarikat :.....
Alamat :.....
.....
.....

Tuan / puan,

SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PROGRAM BANTUAN MASUK SEKOLAH (PBMS) TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR BAGI TAHUN 2025.

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan kepada penyebut harga syarat- syarat Am Sebut harga, Spesifikasi yang ditetapkan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja – kerja bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia
(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja – kerja ini dalam masa(hari) dari tarikh tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Syarikat YAWAS.

.....
(Tandatangan Kontraktor)

Nama Penuh:
No. K/P :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. K/P :

.....
(Cop Alamat Syarikat)

